

02/01/2000

Menghayati pengertian tahun baru

KIAU ucapkan selamat tahun baru, tahun 2000. Selamat menjalani abad baru dan selamat menempuh alaf baru. Setahun ada 365 hari. Seabad 100 tahun dan sealaf 1,000 tahun.

Boleh jadi ada orang pandang remeh atau tentang perayaan tahun baru. Kiau yakin ada yang akan kata, perayaan itu bercanggah dengan hukum itu dan ini. Itu hak mereka.

Bagi Kiau, apa juga perayaan dan apa juga peristiwa yang diraikan atau dirayakan bukanlah kerana hari atau saat itu semata-mata.

Ia dirai dan dirayakan kerana semangat dan pengertiannya. Semangat dan pengertian itu pula terpulanglah kepada kita memikir dan mengisikannya.

Kalau kita isi dengan buruk, buruklah jadinya peristiwa itu walaupun pada asalnya ia baik.

Tetapi kalau diisi dengan sesuatu yang baik dan berfaedah, peristiwa yang buruk pun boleh membawa kebaikan dan manfaat.

Sebagai rakyat Malaysia, Kiau anggap perayaan tahun baru tidak banyak bezanya dengan perayaan awal Muharam, Aidilfitri dan Aidiladha, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas.

Kita merayakan perpaduan, keamanan dan kemakmuran negara kita sebagai negara majmuk yang berjaya di dunia.

Itulah yang Kiau lihat terjadi pada malam kita sambut tahun baru. Tak kira sama ada kita berada di tempat keramaian, di rumah, di masjid atau di gereja, semangat dan pengertiannya sama.

Kita rayakan kejayaan negara kita. Kita berterima kasih kepada pemerintah kita. Kita bersyukur kepada Tuhan.

Kalau bukan negara kita yang bersatu padu, aman dan makmur, kita mustahil boleh melakukan apa yang kita lakukan pada malam itu.

Kita hanya perlu melihat dari kaca televisyen atau membaca dari akhbar untuk menyedari betapa beruntung dan bernasib baiknya kita menjadi orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Thai, orang Punjabi dan Orang Asli di negara Malaysia ini.

Malah orang Indonesia, orang Bangladesh, orang Filipina, orang Myanmar dan orang Pakistan yang menumpang hidup di negara kita pun boleh merasai kebahagiaan dan keselamatan hidup.

Semua ini tidak berlaku dengan sendirinya.

Negara kita tidak akan merdeka tanpa pejuang yang gigih dan berani yang sanggup menyabung nyawa dan memerah otak untuk membebaskan kita daripada belenggu penjajah.

Negara Malaysia yang merdeka tentu tidak akan hidup aman damai jika Perlembagaan kita tidak menjamin hak dan melindungi setiap kita, tidak kira kaum atau agama.

Negara kita Malaysia tidak akan maju, makmur dan dihormati tanpa kerajaan yang komited dan berwawasan.

Kemerdekaan, keamanan dan kemajuan negara tidak dibina dengan lidah dan gusi sahaja. Ia adalah hasil perahan otak pemimpin kita daripada Datuk Onn Jaafar kepada Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn hinggalah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kemerdekaan negara kita tidak akan kekal seperti yang berlaku kepada begitu banyak negara jika kita tidak mempunyai pemimpin dan sistem yang berwibawa.

Kemajuan ekonomi kita juga boleh hancur dalam sekelip mata seperti yang kita alami pada tahun 1997 akibat serangan penyangak mata wang jika tidak

kerana kepemimpinan yang berwawasan dan berani.

Semua ini hendaklah kita fikirkan sedalam-dalamnya tidak kira kita orang Melayu, Cina atau India, tidak kira sama ada kita berada di bandar atau desa dan tidak kira sama ada kita menyokong atau menentang kerajaan.

Ini bukan mengenai Dr Mahathir atau Fadzil Noor, bukan juga mengenai Lim Kit Siang atau Ling Liong Sik, ini adalah masa depan anak cucu kita.

Apakah kerana kebencian atau kemarahan kita atau boleh jadi juga kerana kececekan pemikiran kita, maka kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati ini hendak kita korbankan?

Apakah kerana marahkan nyamuk, kelambu dibakar dan rumah dijilat api menjadi abu dan debu?

Lihatlah wajah anak-anak dan cucu-cucu kita. Fikirkanlah masa depan mereka, bukan hari-hari kita yang telah berlalu.

Masa depan bagi negara kita dalam alaf baru dan dunia siber ini amat mencabar.

Tidak kira kita orang Melayu, Cina atau India, survival kita bergantung kepada kemampuan kita mentadbir negara dengan baik supaya kita boleh bersaing di arena antarabangsa dan dihormati pula.

(END)